

Program pintar

TUOS, UPM jalin kerjasama suntik semangat penyelidik tempatan **terbit jurnal impak tinggi**

Oleh Norliza Abdullah
lizz@bharian.com.my

THE University of Sheffield (TUOS), United Kingdom, memilih Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai rakan pintar memperkenalkan program ijazah doktor falsafah (PhD) yang membolehkan graduan menikmati pengiktirafan kedua-dua institusi pengajian tinggi berkenaan.

Pengiktirafan itu memberi nilai ditambah kepada graduan di mana kualiti pengajian diiktiraf peringkat

kat global.

Naib Pro Canselor Penyelidikan TOUS, Prof Geoffrey Tomlinson, berkata pemilihan UPM berdasarkan prestasi cemerlang universiti dan jaringan antarabangsa yang dimeterai sebelum ini.

Kerjasama itu kata beliau, menyuntik semangat penyelidikan tempatan menerbitkan jurnal impak tinggi dalam tugas PhD sebagai rujukan tempatan dan antarabangsa.

Program dikenali Anugerah Ijazah Penyelidikan Bersama (JARD) itu memberi peluang penyelidik UPM bertindak sebagai penyelia pelajar menerusi pembabituan TUOS dengan syarikat terkemuka se-

perti Rolls Royce dan Boeing bagi program kejuruteraan.

Bagi merealisasikan JARD, Tomlinson berkata, pihaknya sudah memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan UPM dalam melaksanakan skim profesor pelawat yang diharap dapat memperkemas sistem penyalajaran program.

Katanya, MoA itu mensyaratkan setiap calon PhD yang layak diambil perlu memiliki ijazah sarjana dan sepanjang tempoh pengajian, penyelia kedua-dua universiti menilai prestasi pelajar sebelum dianugerahkan ijazah berkenaan.

Mengenai jangka masa belajar, beliau berkata, pelajar dikehendaki memilih tempoh sesuai mengikuti pengajian mereka di UK iaitu antara 12 bulan hingga 18 bulan bagi melayakkan mereka mendapat pengiktirafan.

"Calon program JARD sepenuh masa boleh menamatkan pengajian minimum tiga tahun dan maksimum empat tahun dengan syarat tempoh belajar di salah sebuah universiti di UPM atau TUOS sekurang-kurangnya 12 bulan," katanya pada majlis menandatangani MoA berkenaan di Serdang, baru-baru ini.

Geoffrey mewakili TUOS, manakala UPM oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.



GEOFFREY dan Nik Mustapha bertukar dokumen MoA di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Yuran pengajian akan dikenakan bagi tempoh tiga tahun mengikut kadar tempat pelajar mendaftar bagi semester berkenaan, bagaimanapun, satu kadar minimum akan dikenakan bagi tahun keempat pengajian.

“MoA ini mensyaratkan setiap calon PhD yang layak diambil perlu memiliki ijazah sarjana dan sepanjang tempoh pengajian, penyelia kedua-dua universiti menilai prestasi pelajar sebelum dianugerahkan ijazah”

Prof Geoffrey Tomlinson
Naib Pro Canselor Penyelidikan TOUS

INFO

Program Anugerah Ijazah Penyelidikan Bersama

- Tempoh pengajian tiga tahun dan maksimum empat tahun
- Pelajar mendapat pendedahan pembelajaran bertaraf antarabangsa dengan pengiktirafan daripada kedua-dua universiti.
- Tawaran kepada pelbagai program pengajian antaranya, kejuruteraan, seni bina, komunikasi, sains komputer, ekonomi, pendidikan pengurusan, perubatan, sains perubatan dan sains bio perubatan.
- Kadar yuran sains sosial (RM30,000 setahun), sains dan kejuruteraan (RM40,000 setahun) dan perubatan (RM50,000 setahun)
- Kadar yuran dan tuisyen yang dikenakan TUOS tertakluk kepada terma dan syarat. Keterangan lanjut, boleh layari laman web www.shef.ac.uk/ssid.fees/pgg.